

SOALAN NO: 359

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

RUJUKAN : BL8 [PR-1353-T01502]

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan nama projek dan bilangan unit rumah yang diluluskan oleh DBKL di Taman Desa dan Danau Desa daripada tahun 2013 sehingga kini dan apakah rancangan penambahbaikan trafik yang akan dilaksanakan oleh DBKL di Taman Desa dan Danau Desa sebelum atau selepas projek-projek tersebut siap dibina.

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, berdasarkan rekod kelulusan daripada tahun 2013 sehingga kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah meluluskan 5 skim pembangunan yang mempunyai sejumlah 5,291 unit kediaman di Taman Desa dan Danau Desa, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak DBKL telah mempunyai perancangan khusus untuk penambahbaikan trafik yang akan dilaksanakan oleh DBKL di Taman Desa dan Danau Desa. Berdasarkan kajian Penilaian Impak Lalulintas yang dijalankan, beberapa penambahbaikan infrastruktur untuk melancarkan trafik di kawasan ini telah dicadangkan seperti berikut:

- i) Menaiktaraf persimpangan Jalan dengan menyediakan lampu isyarat;
- ii) Pengubahsuaian di persimpangan Jalan daripada jalan dua hala *two way* kepada jalan sehala *one way*;
- iii) Menaiktaraf persimpangan dengan menambah lorong *storage lane*.
- iv) Mengadakan persimpangan jalan baru;
- v) Cadangan jejambat *flyover* baharu untuk aliran lalulintas keluar daripada cadangan pembangunan ke Kuala Lumpur dan Lebuhraya;
- vi) Cadangan tambahan jalan susur masuk trafik;
- vii) Cadangan *u-turn* di hujung.

Kajian penambahbaikan aliran lalulintas akan sentiasa dijalankan berdasarkan kepada pertambahan kenderaan dari masa ke semasa. Sekiranya terdapat keperluan, kerja-kerja naiktaraf akan dilakukan.